

Menteri UMNO kekal dalam Kabinet

PM jamin inisiatif kerajaan akan terus dilaksana seperti dirancang

Oleh Mohd Iskandar Ibrahim dan Saadiyah Ismail
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata, semua menteri daripada UMNO akan terus kekal berada dalam Kabinet Kerajaan Perikatan Nasional (PN) hasil kesepakatan yang dicapai.

Perdana Menteri berkata, dengan kesepakatan itu Kabinet akan berfungsi seperti biasa dan segala inisiatif kerajaan akan terus dilaksanakan seperti dirancang.

"Menteri UMNO menemui saya pada Isnin lalu. Mereka meminta nasihat saya mengenai kedudukan mereka dalam Kabinet, berikutan keputusan Perhimpunan Agung UMNO bahawa parti itu akan memutuskan hubungan dengan Parti Pribumi Bersatu Malaysia (BERSATU) pada Pilihan

Raya Umum Ke-15 (PRU-15).

"Saya menasihati mereka supaya terus kekal berada dalam Kabinet. Ini mengambil kira kepentingan rakyat dan negara.

"Alhamdulillah, atas nasihat yang saya berikan, kesepakatan dicapai bahawa semua menteri UMNO akan terus kekal berada dalam Kabinet," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Terdapat sembilan menteri UMNO dan lima timbalan menteri dalam Kabinet ketika ini.

Mereka ialah Naib Presiden UMNO, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (Menteri Kanan (Keselamatan); Ahli Parlimen Ketereh, Tan Sri Annuar Musa (Menteri Wilayah Persekutuan); Ahli Parlimen Lenggong, Datuk Seri Dr Shamsul Anuar Nasarah (Menteri Tenaga dan Sumber Asli); Ketua Wanita UMNO, Datuk Seri Dr Noraini Ahmad (Menteri Pengajian Tinggi); Ahli Parlimen Kepala Batas, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican (Menteri Belia dan Sukan); Ahli Parlimen Sembrong, Datuk Seri Hishammuddin Hussein (Menteri Luar); Ahli Parlimen Rembau, Khairy Jamaluddin (Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi); Ahli Parlimen Kota Tinggi, Datuk Halimah Mohamed Sadique (Menteri Perpaduan Nega-

ra) dan Ahli Parlimen Tenggara, Datuk Seri Dr Adham Baba (Menteri Kesihatan).

Lima timbalan menteri daripada UMNO pula ialah Ahli Parlimen Kuala Kangsar, Datuk Mastura Yazid (Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri); Ahli Parlimen Kuala Krau, Datuk Seri Dr Ismail Mohamed Said (Timbalan Menteri Dalam Negeri); Ahli Parlimen Padang Besar, Datuk Zahidi Zainnul Abidin (Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia); Ahli Parlimen Jasin, Datuk Seri Ahmad Hamzah (Timbalan Menteri Pertanian dan In-

"Alhamdulillah, atas nasihat yang saya berikan, kesepakatan dicapai bahawa semua menteri UMNO akan terus kekal berada dalam Kabinet.

*Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri*

dustri Makanan) dan Ahli Parlimen Lipis, Datuk Abdul Rahman Mohamad (Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar).

Muhyiddin berkata, pada masa ini, tumpuan kerajaan untuk memerangi pandemik COVID-19, melaksanakan program imunisasi kebangsaan dan memulihkan ekonomi negara.

Katanya, beberapa menteri daripada UMNO memegang portfolio penting yang berkaitan dengan fokus kerajaan pada masa ini.

"Justeru, saya tidak mahu peletakkan jawatan mereka daripada Kabinet menjejaskan segala perancangan kerajaan untuk mengatasi masalah COVID-19 dan memulihkan ekonomi negara.

"Dengan kesepakatan ini, saya memberi jaminan bahawa Kabinet akan berfungsi seperti biasa dan segala inisiatif kerajaan akan terus dilaksanakan seperti yang dirancang," katanya.

Pada Perhimpunan Agung UMNO 2020 (PAU 2020) Ahad lalu, parti itu mengambil ketetapan memutuskan kerjasama politik dengan BERSATU pada PRU-15, manakala kebersamaan dalam kerajaan PN diteruskan hingga pembubaran Parlimen.

Usul ucapan dasar presiden itu diluluskan sebulat suara selepas

dicadangkan oleh Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Perak, Datuk Saarani Mohamad dan disokong oleh Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Johari Ghani.

Perhimpunan tahunan itu turut meluluskan usul Ahli Parlimen UMNO dan Barisan Nasional (BN) seramai 42 orang tidak akan bersama kerajaan PN apabila Parlimen dibubarkan.

Susulan keputusan itu, beberapa menteri UMNO mengadakan pertemuan dengan Perdana Menteri di Putrajaya kelmarin bagi membincangkan isu peletakan jawatan itu.

Pertemuan berlangsung hampir sejam sebelum kenderaan membawa menteri terbabit dilihat meninggalkan kompleks Pejabat Perdana Menteri pada jam 6.45 petang.

Sementara itu, Muhyiddin di laman Facebook rasminya semalam turut memuat naik beberapa gambar beliau mempengerusikan mesyuarat Kabinet di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya.

Mesyuarat dijalankan dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP) iaitu menggunakan penghadang cermin antara satu sama lain.